



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

OPS PANTAU 2024 : MASIH RAMAI PENIAGA BERMUSIM TIDAK LETAK TANDA HARGA

PUTRAJAYA, 30 APRIL 2024 - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan OPS PANTAU 2024 bermula 12 Mac 2024 dan berakhir pada 9 April 2024 lalu bertujuan untuk memastikan pematuhan oleh peniaga sepanjang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri ke atas undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian.

OPS PANTAU 2024 dilaksanakan secara seragam dan berfokus di seluruh Negara dengan pemeriksaan dilaksanakan di lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai seperti Bazar Ramadan, Bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya, pasar raya besar, pasar raya mini dan kedai runcit selain usaha berterusan Kementerian dalam melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang tidak munasabah (mencatut) oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika.

Berdasarkan statistik penguatkuasaan di bawah OPS PANTAU 2024 sebanyak **42,697 premis** telah diperiksa di seluruh Negara. Daripada jumlah itu, sebanyak **169 kes** telah dihasilkan manakala sebanyak **2,450 premis yang telah diperiksa adalah melibatkan Bazar Aidilfitri**. Selain itu, sebanyak **1,446 aduan** pengguna telah diterima dalam tempoh yang sama melibatkan pelbagai kategori aduan. Antara kesalahan yang dikesan adalah kegagalan meletakkan tanda harga, tidak menggunakan alat timbang yang sah dan menjual barang-barang tiruan.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan selepas pelaksanaan OPS PANTAU 2024 mendapati, peniaga-peniaga bermusim yang kebanyakannya hanya berniaga pada bulan Ramadan, gagal mematuhi sepenuhnya perundangan yang dikuatkuasakan terutamanya dalam aspek meletakkan tanda harga pada barangan yang dipamerkan untuk jualan.

Walau bagaimanapun, KPDN juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada majoriti peniaga yang telah memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan OPS PANTAU 2024 dan berharap agar pematuhan yang tinggi ke atas perundangan yang dikuatkuasakan Kementerian terus diamalkan bagi memastikan persekitaran perdagangan dalam Negara yang adil dan kondusif.

Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga boleh mengemukakan aduan yang lengkap dan tepat melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp iaitu 019-848 8000 / 019-279 4317;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN;

DATUK AZMAN BIN ADAM

Ketua Pengarah Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###